



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 27 FEBRUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN MAKANAN DALAM NEGARA TIDAK TERJEJAS, BULETIN PAGI -TV3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	FAMA TERUS TEROKA PASARAN BAHARU UNTUK EKSPORT NANGKA, MINGGUAN SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4. 5. 6. 7.	PUTING BELIUNG ROSAKKAN KEDAI 6,000 AYAM SEGAR ROSAK, MYKMU -ONLINE KOVESAB PERLU CEBURI BIDANG BAHARU BERPOTENSI TINGGI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE KOVESAB PERLU CEBURI BIDANG BAHARU BERPOTENSI TINGGI, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE PJKM PARLIMEN MUKAH SIRI DUA DI DALAT TURUT DAPAT SAMBUTAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE PJKM TO BE CARRIED OUT NATIONWIDE WITH GOODS PRICE CHEAPER BY 20 TO 50 PER CENT, SIN CHEW DAILY (KUCHING) -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2022	BULETIN PAGI	TV3	

BEKALAN MAKANAN DALAM NEGARA TIDAK TERJEJAS





27 FEB, 2022

FAMA terus teroka pasaran baharu untuk eksport nangka

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA terus teroka pasaran baharu untuk eksport nangka

DUBAI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan terus meneroka pasaran baharu untuk mengeksport nangka tempatan selain memperkukuh pasaran tradisi seperti Dubai, Singapura dan Hong Kong.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali berkata, nangka Malaysia mendapat permintaan memberangsangkan di luar negara kerana mempunyai pelbagai variasi dan berkualiti.

"Nangka Malaysia terbaik dan tetap menjadi pilihan walaupun untuk eksport kita terpaksa gunakan kapal terbang dan kapal laut untuk kekalkan kualitinya," katanya kepada Bernama di sini, baru-baru ini.

Menjelang lanjut, Zainal Abidin berkata, penyertaan FAMA dalam Minggu Pertanian Lestari di Ekspo 2020 Dubai di sini selama lima hari yang bermula Isnin, merupakan platform terbaik untuk meluaskan pasaran eksport bukan sahaja di Emiriah Arab Bersatu (UAE) malah di negara Teluk.

"Ekspo ini kesempatan yang amat baik kerana Dubai bukan hanya pintu masuk untuk negara Teluk tapi juga berfungsi menemu-

kan pengimport dari seluruh dunia.

"FAMA pastinya akan terus menyertai pelbagai aktiviti seperti ini di luar negara misalnya di Hong Kong dan London," katanya.

Sementara itu, syarikat Malaysia, SunFresh Foods Sdn Bhd menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Nokivi Group (Nokivi AB Sweden and Nokivi Pte Ltd, Singapore) bagi membekalkan nangka segar.

SunFresh Foods dalam satu kenyataan berkata, menerusi kerjasama itu nangka hijau akan digunakan untuk pembuatan daging atau makanan yang berasaskan tumbuhan dengan nilai eksport kira-kira AS\$2 (AS\$1=RM4.20) sekilogram. "Kami menjangkakan pengambilan awal sekitar RM1 juta pada tahun pertama dan secara beransur-ansur meningkat sehingga RM100 juta setahun," kata kenyataan itu.

Minggu Pertanian Lestari di Pavilion Malaysia itu dihoskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation sebagai agensi pelaksana.

- Bernama



27 FEB, 2022

FAMA terus teroka pasaran baharu untuk eksport nangka

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

DUBAI: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan terus meneroka pasaran baharu untuk mengeksport nangka tempatan selain memperkukuh pasaran tradisi seperti Dubai, Singapura dan Hong Kong. Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razali berkata, nangka Malaysia mendapat permintaan memberangsangkan di luar negara kerana mempunyai pelbagai variasi dan berkualiti.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/2/2022	MYKMU	ONLINE	

Puting beliung rosakkan kedai, 6,000 ayam segar rosak



Puting beliung rosakkan kedai, 6,000 ayam segar rosak

KUALA NERUS: Pemilik Agro Bazar Rakyat kerugian lebih RM200,000 apabila premisnya di Kampung Padang Nenas, di sini, dibadai puting beliung menyebabkan semua barangan jualan rosak.

Kejadian jam 10 pagi tadi turut meranapkan beberapa struktur bangunan, selain menyebabkan 6,000 ekor ayam segar yang dianggarkan bernilai RM70,000 rosak.

Ahmad Khaliff Muzaffar Md Yani, 33, yang juga pembekal ayam segar berkata, ketika kejadian, dia dan empat pekerja tiada di premis berkenaan kerana keluar menghantar barangan dan ayam segar kepada

pelanggan.

Katanya, dia mengetahui kejadian itu selepas dihubungi rakan sebelum bergegas kembali ke kedai dalam keadaan hujan lebat.

“Saya tidak mampu berkata apa-apa selepas melihat sebahagian kedai yang dibangunkan sejak tiga tahun lalu rosak teruk,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Katanya, selain premis miliknya, lebih 10 rumah penduduk di kampung berkenaan mengalami kerosakan akibat kejadian itu.

“Saya difahamkan angin datang berpusing dari arah hadapan kedai menyebabkan bumbung depan ranap keseluruhannya dan beberapa siling tercabut.

“Akibat kejadian ini, saya terpaksa menanggung kerugian lebih RM200,000 apabila semua barangan dalam kedai rosak,” katanya.

Ahmad Khaliff Muzaffar berkata, dia buntu memikirkan bagaimana untuk memulakan semula perniagaan kerana sebahagian wang pinjaman sudah habis digunakan ketika memulakan semula perniagaan selepas terhenti akibat COVID-19.

“Saya membuat pinjaman RM300,000 dengan beberapa institusi kewangan termasuk FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan) pada Oktober tahun lalu.

“Kejadian ini menyebabkan saya buntu memikirkan bagaimana untuk membayar semula pinjaman.

“Saya sangat berharap ada pihak dapat membantu saya memulakan semula perniagaan ini,” katanya. BH

27 FEB, 2022

KOVESAB perlu ceburi bidang baharu berpotensi tinggi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



RASMI: Nizam (kanan) menerima cendera kenangan daripada Pengerusi KOVESAB, Bakri Jamal.

KOVESAB perlu ceburi bidang baharu berpotensi tinggi

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Koperasi Veteran ATM Sabah Berhad (KOVESAB) digalakkan menceburi bidang baharu yang mempunyai potensi besar supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan ahlinya.

Pembantu Menteri Kewangan Datuk Nizam Abu Bakar Titingan berkata, mempelbagaikan aktiviti perniagaan adalah salah satu inisiatif yang boleh dilakukan untuk meningkatkan pendapatan koperasi.

Katanya, KOVESAB boleh memanfaatkan 'Program Pemadanan Perniagaan' melalui kerjasama dengan syarikat swasta untuk menggabungkan kepakaran yang ada.

"Gubahan kekuatan dari segi modal, keanggotaan, pengalaman dan saiz pasaran yang luas dapat mengembangkan lagi perniagaan yang ingin diceburi.

"Konsep kerjasama itu dapat mengembangkan lagi perniagaan koperasi dari-

pada konvensional kepada aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi," katanya.

Nizam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Apas berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung KOVESAB, di sini semalam.

Menurutnya, koperasi juga boleh menceburi program vendor dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat gergasi multinasional.

"Perniagaan seperti Bioteknologi, Industri Herba, Automotif, Teknologi Maklumat, Industri Makanan Halal, Biokomposit, Perkapalan, Perabot dan Pembuatan juga dilihat mempunyai potensi besar.

"KOVESAB perlu mengambil peluang-peluang yang ada supaya boleh bersaing dan membantu ahlinya memperoleh pendapatan lebih baik," katanya.

Selain itu katanya, kerjasama dengan agensi-agens kerajaan seperti MARDI, FAMA, SIRIM dan Lembaga Koko Malaysia juga dapat membantu koperasi

meningkatkan kualiti serta mutu produk yang dihasilkan.

"Melalui kerjasama itu, ia dapat membantu koperasi dari segi penyelidikan dan pembangunan serta peluang mengkomersilkan produk dihasilkan.

"Anggota Lembaga Koperasi KOVESAB seharusnya bijak mencari peluang perniagaan dalam bidang yang berkaitan dengan tanah agar aset koperasi dapat digunakan sebaik mungkin," katanya.

Nizam berharap KOVESAB terus maju dalam bidang yang diceburi dan membantu ahlinya mendapatkan pendapatan lebih baik.

"Saya berharap mesyuarat ini dapat dijadikan perangsang untuk terus meningkatkan usaha ke arah mewujudkan penguasaan dan pentadbiran yang berkualiti dalam koperasi.

"Saya ingin melihat supaya lebih banyak usaha dapat dilaksanakan ke arah memantapkan koperasi bukan sahaja KOVESAB, bahkan koperasi lain di negeri ini," katanya.



27 FEB, 2022

KOVESAB perlu ceburi bidang baharu berpotensi tinggi

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

TAWAU: Koperasi Veteran ATM Sabah Berhad (KOVESAB) digalakkan menceburi bidang baharu yang mempunyai potensi besar supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan ahlinya. Pembantu Menteri Kewangan Datuk Nizam Abu Bakar Titingan berkata, mempelbagaikan aktiviti perniagaan adalah salah satu inisiatif yang boleh dilakukan untuk meningkatkan pendapatan koperasi.

27 FEB, 2022

KOVESAB perlu ceburi bidang baharu berpotensi tinggi

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



RASMI: Nizam (kanan) menerima cendera kenangan daripada Pengerusi KOVESAB, Bakri Jamal.

KOVESAB perlu ceburi bidang baharu berpotensi tinggi

Oleh Hamzah Sanudin

TAWAU: Koperasi Veteran ATM Sabah Berhad (KOVESAB) digalakkan menceburi bidang baharu yang mempunyai potensi besar supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan ahlinya.

Pembantu Menteri Kewangan Datuk Nizam Abu Bakar Titingan berkata, mempelbagaikan aktiviti perniagaan adalah salah satu inisiatif yang boleh dilakukan untuk meningkatkan pendapatan koperasi.

Katanya, KOVESAB boleh memanfaatkan 'Program Pemandaran Perniagaan' melalui kerjasama dengan syarikat swasta untuk menggabungkan kepakaran yang ada.

"Gabungan kekuatan dari segi modal, keanggotaan, pengalaman dan saiz pasaran yang luas dapat mengembangkan lagi perniagaan yang ingin diceburi.

"Konsep kerjasama itu dapat mengembangkan lagi perniagaan koperasi dari-

pada konvensional kepada aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan lebih tinggi," katanya.

Nizam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Apas berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung KOVESAB, di sini semalam.

Menurutnya, koperasi juga boleh mencuba program vendor dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat gergasi multinasional.

"Perniagaan seperti Bioteknologi, Industri Herba, Automotif, Teknologi Maklumat, Industri Makanan Halal, Biokomposit, Perkapalan, Perahot dan Pembuatan juga dilihat mempunyai potensi besar.

"KOVESAB perlu mengambil peluang-peluang yang ada supaya boleh bersaing dan membantu ahlinya memperolehi pendapatan lebih baik," katanya.

Selain itu katanya, kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti MARDI, FAMA, SIRIM dan Lembaga Koko Malaysia juga dapat membantu koperasi

meningkatkan kualiti serta mutu produk yang dihasilkan.

"Melalui kerjasama itu, ia dapat membantu koperasi dari segi penyelidikan dan pembangunan serta peluang mengkomersilkan produk dihasilkan.

"Anggota Lembaga Koperasi KOVESAB seharusnya bijak mencari peluang perniagaan dalam bidang yang berkaitan dengan tanah agar aset koperasi dapat digunakan sebaik mungkin," katanya.

Nizam berharap KOVESAB terus maju dalam bidang yang diceburi dan membantu ahlinya mendapatkan pendapatan lebih baik.

"Saya berharap mesyuarat ini dapat dijadikan perangsang untuk terus meningkatkan usaha ke arah mewujudkan penguasaan dan pentadbiran yang berkualiti dalam koperasi.

"Saya ingin melihat supaya lebih banyak usaha dapat dilaksanakan ke arah memantapkan koperasi bukan sahaja KOVESAB, bahkan koperasi lain di negeri ini," katanya.



27 FEB, 2022

KOVESAB perlu ceburi bidang baharu berpotensi tinggi

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

RASMI: Nizam (kanan) menerima cendera kenangan daripada Pengerusi KOVESAB, Bakri Jamal.

TAWAU: Koperasi Veteran ATM Sabah Berhad (KOVESAB) digalakkan menceburi bidang baharu yang mempunyai potensi besar supaya dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan ahlinya. Pembantu Menteri Kewangan Datuk Nizam Abu Bakar Titingan berkata, mempelbagaikan aktiviti perniagaan adalah salah satu inisiatif yang boleh dilakukan untuk meningkatkan pendapatan koperasi.

27 FEB, 2022

PJKM Parlimen Mukah Siri Dua di Dalat turut dapat sambutan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

PJKM Parlimen Mukah Siri Dua di Dalat turut dapat sambutan

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Parlimen Mukah Siri Dua yang diadakan di parkir Pasar Raya Nam Leong, Dalat yang bermula semalam turut mendapat sambutan seperti PJKM pertama di Mukah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak merangkap Ahli Parlimen Mukah Dato Hanifah Hajar Taib menggalakkan orang ramai di kawasan parlimen berkenaan untuk merancang pembelian keperluan rumah dan seterusnya berjinmat daripada tawaran yang diberikan.

"Bagaimanapun, semua peniaga harus sentiasa beretika dalam mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya dalam satu kenyataan media sempena PJKM Parlimen Mukah di Dalat.

Menurutnya, kerajaan sentiasa menyeru agar rakyat terus bersabar dan bersama kerajaan dalam waktu sukar yang luar biasa ini.

Krisis ekonomi katanya, turut melanda dunia dan memberi kesan kepada rantaian bekalan global dan negara juga tidak terlepas daripadanya.

Beliau juga memberitahu, para pegawai penguat kuasa KPDNHEP akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan mencukupi untuk



LANCAR: Salihin (dua kanan) bersama rakan strategik lain ketika pelancaran PJKM Parlimen Mukah Siri Dua di Dalat, semalam.

memenuhi keperluan orang ramai.

Sementara itu, Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Mukah Salihin Den memberitahu maklum balas pengunjung diterima rata-rata menyambut baik dan meminta PJKM dilaksanakan secara berkala.

"Pengguna dan pengunjung mengakui bahawa harga barang-barang yang dijual dapat meringankan beban kos sara hidup mereka dalam situasi harga barang yang dilaporkan telah meningkat," jelasnya.

Penduduk di kawasan

tersebut turut dapat menikmati barang-barang yang ditawarkan dengan harga sehingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran setempat.

Salihin juga amat berterima kasih kepada agensi-agensi seperti Majlis Daerah Dalat Mukah (MDDM), Jabatan Penerangan Malaysia Dalat (JAPEN), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta rakan strategik Pasar Raya Nam Leong atas kerjasama yang memastikan PJKM Siri Dua Parlimen Mukah dapat dilaksanakan dengan lancar.

PJKM tersebut berlangsung selama dua hari bermula semalam dan hari ini dari jam 10 pagi hingga 2 petang. PJKM menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian dengan harga berpatutan lebih murah dan berbaloi antaranya ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras dan barangan keperluan rumah terpilih.

Sebarang pertanyaan lanjut atau aduan, orang ramai boleh menyalurkan ke talian WhatsApp di 019-279 4317, aplikasi ez-Adu atau melalui e-mel kepada e-aduan@kp-dnhep.gov.my.



27 FEB, 2022

PJKM Parlimen Mukah Siri Dua di Dalat turut dapat sambutan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

MUKAH: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) Parlimen Mukah Siri Dua yang diadakan di parkir Pasar Raya Nam Leong, Dalat yang bermula semalam turut mendapat sambutan seperti PJKM pertama di Mukah. Timbalan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak merangkap Ahli Parlimen Mukah Dato Hanifah Hajar Taib menggalakkan orang ramai di kawasan parlimen berkenaan untuk merancang pembelian keperluan rumah dan seterusnya berjimat daripada tawaran yang diberikan.



27 FEB, 2022

PJKM to be carried out nationwide with goods price cheaper by 20 to 50 per cent

Sin Chew Daily (Kuching), Malaysia

大馬一家促銷砂走透透 物價便宜20-50%



▲貴賓們巡視大馬一家促銷活動所銷售的物品

【民都魯26日訊】民都魯大馬一家促銷活動（PJKM）今早在民都魯Emart超市開幕。

為期兩天的活動是由國內貿易及消費事務部民都魯分局主辦，並與聯邦農業銷售局（FAMA）、馬來西亞漁業發展局（LKIM）、民都魯國會議員人民服務中心及Emart超市合作進行。

民都魯經濟局主任納查理受訪時指出，大馬一家促銷活動是去年12月2日，提供價格公道的必需品，如肉、魚、蔬果、食油、糖、面粉、米等生鮮食品。所促銷的物品價格比平常便宜20至50%，協助消費者減輕家庭開銷。

他說，這已是該局第7度在民都魯舉辦大馬一家促銷活動，分別在去年12月舉辦2次，今年1月舉辦4次。為让更多人受益，該局將持續與聯邦農業銷售局、馬來西亞漁業發展局和其他政府單位合作，進行促

銷活動。一般的促銷活動都會落在周末，時間為早上9時至下午5時。

“第一次舉辦促銷活動已取得很好的反應，包括消費者和商家都受益，除了讓民眾能以更便宜價格買到日用品，也協助提升漁業的銷量，讓他們有機會分享和推銷其產品。”

津貼食油供應穩定

納查理提及，民都魯的1公斤包裝津貼食油與雞蛋皆供應穩定，消費者無需恐慌而大量搶購或囤貨，該局亦會時常關注市場必需品的供應量和售價。

他稱，民都魯的雞蛋來自吉普和詩來農場，每星期二、星期四和星期五都會運送到民都魯。由於雞蛋的保鮮期很短，他希望民眾能給予配合，購買足夠家庭使用的分量即可，無需大量囤貨，以免造成市場供應不足，或是買回家的雞蛋因存放太久而不新鮮。

每周买2至3托鸡蛋

納查理建議一般家庭每周購買2至3托雞蛋即可，吃完再到附近市場購買，以享用新鮮食品。

“肉類的供應量亦保持穩定，民眾同樣可放心，不需要囤太多在家，也不必恐慌。”

◀民都魯大馬一家促銷活動主賓兼民都魯區國會議員拿督斯里張庚信的代表江紀家（左三）為活動主持開幕禮後與主辦方人員合影。





27 FEB, 2022

PJKM to be carried out nationwide with goods price cheaper by 20 to 50 per cent

Sin Chew Daily (Kuching), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

大馬一家促銷砂走透透 物價便宜20-50%[^]贵宾们巡视大馬一家促销活动所销售的物品'(民都魯26日讯)
民都魯大馬一家促销活动 (PJKM) 今早在民都魯Email超市开幕。为期两天的活动是由国内贸易及消费人事务部民都魯分局主办
并与联邦农业销售局(FAMA
)、马来西亚渔业发展局 (LKIM)、民都魯国会议员人民服务中心及Emart超市合作进行。民都魯贸消局主任纳查理受访时指出，
大馬一家促销